

30/10/2002

Kabinet bincang soal kerahan tenaga hari ini

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Cadangan memperkenalkan kerahan tenaga membabitkan remaja dijangka dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet, esok.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, ketika ditanya mengenainya berkata: "Tunggulah sehingga esok, mungkin akan dimaklumkan perkembangannya jika dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet."

Beliau berkata, model yang ada sekarang adalah setiap rakyat berusia 18 tahun diwajibkan mengikuti latihan ketenteraan seperti yang dilaksanakan di Singapura.

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai idea tersendiri berhubung perkara itu.

"Model yang diilhamkan Perdana Menteri bukan dalam bentuk kerahan tenaga ala tentera semata-mata, walaupun ada unsur ketenteraan tetapi tidak konvensional," katanya selepas majlis penyampaian biasiswa Institut Teknologi Sepang (SIT) kepada anak anggota tentera di Wisma Pertahanan di sini, hari ini.

Beliau mengulas cadangan yang dikemukakan aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye dan Ahli Parlimen Gelang Patah, Chang See Ten, yang mendapat perhatian Dr Mahathir.

Cadangan itu dianggap mampu melahirkan generasi muda yang lebih berdisiplin dan memupuk semangat perpaduan dan bekerjasama sesama rakyat berbilang kaum di negara ini.

Terdahulu, Najib berkata biasiswa sebanyak RM99,000 yang disediakan SIT boleh memanfaatkan seramai 15 anak anggota tentera untuk mengikuti pengajian peringkat diploma di institusi itu.

Beliau berkata, dorongan untuk meningkatkan lagi pencapaian pembelajaran anak anggota tentera sama ada di sekolah atau institusi pengajian tinggi akan terus dilakukan, antaranya dengan mewujudkan biasiswa Yayasan Warisan Perajurit, Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Skim Pinjaman Akademik Anak Tentera.

Selain itu, katanya, pelbagai kelas bimbingan dan motivasi menerusi program k-Famili juga akan diperkenalkan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga anggota tentera.